

eISBN: 978-967-17121-4-6

E-PROSIDING SEMINAR KEWANGAN ISLAM KEBANGSAAN 2020

28 APRIL - 21 MEI 2020



DIANJURKAN OLEH

Lembaga Zakat Negeri Kedah

DENGAN KERJASAMA OLEH

Universiti Utara Malaysia
UniSHAMs
Universiti Teknologi Mara

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
journal.zakatkedah.com.my

Cetakan Pertama 2020

©Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada e-prosiding ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dengan apacara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Skop

E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020 merupakan kertas kerja saintifik yang dihasilkan bagi menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat yang efisien dan dinamik dari kumpulan pengurusan atasan hingga ke kumpulan pelaksana bertujuan berkongsi maklumat, idea, pengalaman dan permasalahan dalam kewangan Islam. E-prosiding ini mengumpulkan pelbagai artikel daripada pelbagai aspek berkaitan kewangan Islam seperti zakat, wakaf, muamalat, hibah, baitulmal, halal dan lain-lain. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasil kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai yang boleh diaplikasikan dalam pembangunan serta pengukuhan institusi kewangan Islam seperti zakat, wakaf, muamalat, hibah, baitulmal, halal dan lain-lain.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi LZNK mahupun Kerajaan Malaysia.

Diterbitkan dan dicetak oleh:



Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
Aras 3, Menara Zakat
Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-733 1740 Faks: 04-7316280

**SIDANG REDAKSI
PROSIDING SEMINAR KEWANGAN ISLAM KEBANGSAAN 2020**

Penaung

Syeikh Zakaria Bin Othman
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Negeri Kedah

Ketua Editor & Reka Letak

Dr. Hafizah Binti Zainal
Pengurus
Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah
Lembaga Zakat Negeri Kedah

Penolong Editor

Noor Afifah Binti Ahmad
Mohamad Zaidi Bin Azizan

Unit Media

Khairul Amizi Bin Abd Majid
Mohd Faiz Bin Abu Osman
Suhaimi Bin Haji Mahmud
Mohammad Affendie Bin Mohd Shurkri

ISI KANDUNGAN

AMALAN BERZAKAT DALAM KALANGAN KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI POLY-TECH MARA KUALA LUMPUR: KAJIAN TINJAUAN AWAL	1-7
<i>Elmi Baharuddin, Mohd Marzuki Ali, Mohd Kamal Shah Rani</i>	
AVAILABILITY OF LITERATURE ON MAQASID AND ISLAMIC FINANCE IN THE INTERNET	8-13
<i>Yusof Ismail, Suhaimi Mhd Sarif</i>	
AWARENESS BUSINESS ZAKAT IN ISLAM AMONG SMALL BUSINESS IN SEBERANG PERAI TENGAH PENANG	14-21
<i>Wan Mohd Rushdi Bin W. A. Lah</i>	
BRIDGING THE GAP IN INCOME INEQUALITY BY ADOPTING MAQASID AL-SHARIAH AMONG NON-BANK ISLAMIC FUND	22-30
<i>Haslindar Ibrahim, Nik Hadiyan Nik Azman, Azam Abdel hakim, Khalid Ahmed</i>	
CADANGAN KONTEMPORARI PERLUASAN KONSEP AR-RIQAB BAGI PEMULIHAN PESAKIT MENTAL	31-41
<i>Amin Che Ahmat, Izatul Akmar Ismail, Che Zarrina Sa'ari, Abdul Munir Mohamed Noh</i>	
CADANGAN MELOKALISASIKAN KUTIPAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DALAM MENANGANI CABARAN PANDEMIK COVID-19	42-58
<i>Amir Zakri Abdul Rani, Hairunnizam Wahid Mohd Ali Mohd NoorMohamad Imran Md Yussof</i>	
COULD STATE RELIGIOUS COUNCIL MAKES BUSSINESS ZAKAT COMPULSORY ON ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTION AND COOPERATIVE SOCIETIES: LEGAL ANALYSIS	59-65
<i>Mohd Zakhiri Md Nor, Ani Munirah Mohamad b Alias Azhar, Roshidah Osman</i>	
DOES ZAKAH INSTITUTIONS IN MALAYSIA GIVE ZAKAH FOR BUSINESS PURPOSES? : AN EXPLORATORY STUDY	66-75
<i>Noor Fazni binti Harun & Asmak binti Ab Rahman</i>	
DETERMINANT FACTORS OF ISLAMIC FINANCIAL LITERACY	76-84
<i>Nurul Wajhi binti Ahmad, Khairul Anuar Ahmad</i>	
EDUCATION WAQF AND THE DEVELOPMENT OF ECONOMIC	85-91
<i>Mai Syaheera M. Shaari</i>	
ELEMEN KEMAHIRAN DALAM WAKALAH AGIHAN ZAKAT: KAJIAN KES DI PELABURAN HARTANAH BERHAD	92-100
<i>Syahmi Haziq Osmera & Hairunnizam Wahid</i>	

ENAKMEN LEMBAGA ZAKAT KEDAH DARUL AMAN 2015 DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF: PENILAIAN DARI PERSPEKTIF TADBIR URUS <i>Mohamad Naimi Mohamad Nor, Suhaimi Ishak & Amirul Faiz Osman</i>	101-110
FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNA TERHADAP PEMBAYARAN ZAKAT SECARA ATAS TALIAN/ONLINE <i>Muhammad Aizat Md Sin & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy W.M</i>	111-122
HUBUNGAN ANTARA JAMINAN DEPOSIT DAN BANK RUN DALAM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA <i>Adyputra Sinaga Amaludain, Hendon Redzuan & Mohd Hafizuddin Syah, Bangaan Abdullah</i>	123-133
HUBUNGAN IMEJ KORPORAT USAHAWAN MUSLIM, PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN CABARAN MENDEPANI PASCA COVID-19 <i>Muhd Jafni Mustapha & Hairunnizam Wahid</i>	134-150
HUKUM JUAL BELI SISTEM DROPSHIP DALAM ISLAM DAN APLIKASI MAQASID SYARIAH <i>Nor Musfirah Mohamad dan Noorkartina Mohamad</i>	151-164
INFLUENCE OF TA'AWUN IN MANAGING STICKINESS OF ZAKAT INSTITUTIONS <i>Suhaimi Mhd Sarif* & Yusof Ismail</i>	165-173
INSTRUCTIONAL STRATEGY IN RESPONSE TO LEVELS OF AWARENESS OF COLLECTIVE ISLAMIC CONCEPTS <i>Yusof Ismail^{a*} and Suhaimi Mhd Sarif^b</i>	174-181
KEBERKESANAN APLIKASI BIZ-ZAKAT DALAM MEMBENTUK KERANGKA NILAI DALAM KALANGAN USAHAWAN: KAJIAN TERHADAP USAHAWAN DI PAHANG <i>Farahatul Izzah Alyani Binti Abdul Ghani & Hairunnizam Wahid</i>	182-200
KEFAHAMAN DAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP ASAS FIQH DAN FATWA BERKENAAN ZAKAT PENDAPATAN: KAJIAN DI KOLEJ PROFESIONAL MARA MELAKA <i>Wan Ab Rahman Wan Dollah & Hairunnizam Wahid</i>	201-214
KESEDARAN ZAKAT PADI DALAM KALANGAN PESAWAH DI KEDAH <i>Noor Rohin Binti Awalludin & Hasnah Binti Am Abdul Aziz</i>	215-225
KODIFIKASI AKTA ZAKAT NASIONAL: STRATEGI PEMERKASAAN KUTIPAN ZAKAT BAGI MENDEPANI PASCA PANDEMIK COVID-19 <i>Mohd Suffian Mohamed Esa, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid</i>	226-238

KONSEP DHIMMAH, ENTITI PERUNDANGAN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP AMALAN PERAKAUNAN OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DI MALAYSIA	239-250
<i>Hairunnizam Wahid, Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Mohd Harun & Ainol Basirah Abdul Wahab</i>	
KONSEP ENTITI PERUNDANGAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN INSTITUSI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DI MALAYSIA	251-263
<i>Anis Suhailah Roslan, Hairunnizam Wahid & Norida Basnan</i>	
MALAYSIA GLOBAL SUKUK ON PRICE AND RETURN COMPARE WITH OTHER COUNTRY	264-272
<i>Roikhan Mochamad Aziz & Rahimatul Fikri</i>	
MAQASID SYARIAH DALAM KEWANGAN ISLAM: ANALISIS HIFZ AL MAL DALAM SURAH AL BAQARAH AYAT 282	273-283
<i>Aemy Bin Aziz, Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Noor Ain binti Mohd Noor, & Noranizah binti Yusuf</i>	
MENGUKUR TAHAP KEBERKESANAN WAKAF TUNAI BAGI PROJEK PEMBANGUNAN WAKAF MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs) : PUSAT PERKHIDMATAN HEMODIALISIS	284-301
<i>Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy W.M, Muhammad Aizat Md Sin & Abdul Ghafur Hanafi</i>	
MODEL WAKAF BERKAITAN NELAYAN MUSLIM: KAJIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)	302-312
<i>Muhammad Ammar Firhan Nasharudin, Hairunnizam Wahid, Asharaf Mohd. Ramli, & Mohd Ali Mohd Noor</i>	
PANDEMIK COVID-19 DAN IMPLIKASI TERHADAP INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA SEBAGAI INSTITUSI KEWANGAN SOSIAL ISLAM	313-324
<i>Mohd Faisol Ibrahim</i>	
ZAKAT'S DISTRIBUTION BY NON-MUSLIMS: A CASE STUDY IN ZAKAT PENANG	325-332
<i>Nur Aufa Muhammad Raziff, Azizi Abu Bakar & Hafizah Zainal</i>	
PELAKSANAAN ZAKAT AR-RIQAB KEPADA LGBT DI LZS DAN LZNK: SATU SOROTAN	333-343
<i>Norazlina Mamat, Muhammad Nasrul Hakim Roslan, Siti Norma Aisyah Malkan, & Nurul Hidayah Che Hassan</i>	

PEMBANGUNAN WAKAF TUNAI BERTEMPOH DALAM SEKTOR KOPERASI: SATU PENILAIAN SYARIAH DAN UDANG-UNDANG <i>Mohd Zakhiri Md Nor, Mohd Fazli Masri & Ani Munirah Mohamad</i>	344-352
PENGARUH IMEJ KORPORAT MELALUI PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT MUSLIM TERHADAP KEMPEN 'BUY MUSLIM FIRST' <i>Shamsul Idlan Muhammad Ghozali, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor</i>	353-364
PENJANAAN WAKAF PENDIDIKAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) MELALUI INSTRUMEN AL A'QAR HEALTHCARE REIT: SATU CADANGAN <i>Mohd Fakhruallah Bin Ibrahim & Hairunnizam Wahid</i>	365-379
PERANAN PUSAT ZAKAT DALAM MEMBANTU PENDAPATAN GOLONGAN B40 SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19 <i>Nor Aisyah Hasan Adali & Hairunnizam Wahid</i>	380-396
PERUNTUKAN ENAKMEN WAKAF DAN IMPLIKASI TERHADAP PEMBANGUNAN WAKAF TUNAI: KAJIAN TERHADAP WAKAF MUAMALAT <i>Muhamad Rizuwan Bin Mokhtar & Hairunnizam Wahid</i>	397-403
POTENSI INTEGRASI KEWANGAN ISLAM KE ATAS SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS: SATU TINJAUAN AWAL <i>Mohammad Nasrul Hakim Roslan, Siti Norma Aisyah Malkan, Nurul Hidayah Che Hassan, & Norazlina Mama</i>	404-412
PRODUK DERIVATIF: SATU PENILAIAN MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SYARIAH <i>Nor Fahimah Mohd Razif, Mohd Shahid Mohd Noh & Mohammad Ikhlas Rosele</i>	413-424
PENDEKATAN PENGURUSAN STRATEGIK BAGI WAKAF PENDIDIKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI: SATU POTENSI KE ARAH PENGUKUHAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA <i>Nainatul Farzuha Nor, Mohd Mizan Mohammad Aslam & Hasrul Hashom</i>	425-438
FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNA TERHADAP PEMBAYARAN ZAKAT SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) <i>Muhammad Aizat Md Sin & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy W.M</i>	439-450
ZAKAT DISTRIBUTION IN ACHIEVING SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS AND ASSISTING THOSE AFFECTED BY COVID-19 IN KEDAH <i>Yusuf Haji-Othman</i>	451-459
PELAPORAN MEDIA TERHADAP FRAUD ZAKAT <i>Dzarfan Abdul Kadir, Mohamad Naimi Mohamad Nor & Sazali Saad</i>	460-468
AMIL DALAM TEKNOLOGI KEWANGAN <i>Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Jasni Sulong</i>	469-483

MODEL WAKAF BERKAITAN NELAYAN MUSLIM: KAJIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)

**Muhammad Ammar Firhan Nasharudin^{a*}, Hairunnizam Wahid^a,
Asharaf Mohd. Ramlib, Mohd Ali Mohd Noora**

^a*Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor*

^b*Fakulti Ekonomi & Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan*

**corresponding author: ammarfirhan@gmail.com*

Abstrak

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah memperkenalkan salah satu projek Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) termasuklah wakaf berkaitan bot nelayan berikutan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada tahun 2016. Hal ini penting kerana terdapat seramai 8000 orang nelayan di Perak dan majoritinya adalah Bumiputera Muslim. Namun, kurang daripada 1 peratus daripada komuniti nelayan yang memiliki bot berkapasiti tinggi adalah daripada kaum bumiputera Muslim di negeri Perak. Perakuan pembinaan model ini berpotensi meningkatkan taraf sosio-ekonomi bagi masyarakat nelayan terutamanya nelayan Muslim di pesisiran pantai. Di bawah Skim ini, pihak MAIPk akan menyediakan bot dan kelengkapannya termasuk enjin dan pukat serta sonar bagi membolehkan para nelayan menerokai ke kawasan laut yang lebih dalam dan boleh meningkatkan hasil tangkapan. Persoalan kajian ialah menjelaskan fatwa dan model wakaf bot serta kelebihan menggunakan instrumen wakaf dalam model ini. Justeru, kajian ini akan mengkaji proses pelaksanaan Model WPAR dalam kalangan para nelayan Muslim di negeri Perak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menemu bual salah seorang ahli Jawatankuasa Fatwa Perak berkenaan kesahan model dan menjelaskan peranan pihak MAIPk, pengendali dan para nelayan yang terlibat dalam model WPAR yang dipraktikkan oleh MAIPk. Dapatan kajian mendapati terdapat isu yang menarik dalam model ini berkaitan wakaf tunai sepadan dan sewaan yang lebih murah sekaligus meningkatkan pendapatan komuniti nelayan untuk menyara kehidupan harian mereka daripada beban kesusahan. Model ini diharapkan menjadi perintis kepada pihak berautoriti untuk menggunakan hasil kutipan dana wakaf tunai yang diperolehi daripada orang ramai untuk diagihkan kepada pihak yang memerlukan.

Kata Kunci: Wakaf Perak Ar-Ridzuan, MAIPk, nelayan muslim, kelengkapan bot, geran sepadan

Abstract

Majlis Agama Islam and 'Adat Melayu Perak (MAIPk) has introduced one of the Perak Ar-Ridzuan Waqf (WPAR) projects including related waqf fishing boats following a fatwa issued by the Perak Fatwa Committee in 2016. This is important because there are a total of 8000 fishermen in Perak and most of them are Muslim Bumiputera. However, less than 1 percent of the fishing communities with high capacity boats are from Muslim bumiputera in Perak. The recognition of this model has the potential to enhance the socio-economic status of the fishermen especially the coastal fishermen. Under the scheme, MAIPk will provide boats and equipment including engines and nets as well as sonar to enable fishermen to venture deeper into the ocean and to improve their catch. The research

question is to explain the fatwa and the model of boat fishing and the advantages of using this waqf instrument in this model. Therefore, this study will study the process of implementing WPAR Model among Muslim fishermen in Perak. This study used a qualitative approach, interviewing a member of the Perak Fatwa Committee on the validity of the model and explaining the role of MAIPk, operators and fishermen involved in the WPAR model practiced by MAIPk. The study found that there are interesting issues in this model regarding the corresponding cash flow or “matching grant” and lower rentals while increasing the income of the fishing community to support their daily lives from the burden of hardship. The model is expected to be a pioneer for the authorities to use the proceeds of the cash waqf raised from the public to be distributed to the needy.

Keywords: *Perak Ar-Ridzuan Waqf, MAIPk, muslim fishermen, boat equipments, matching grant*

PENGENALAN

Dalam usaha kerajaan Malaysia membawa negara ini ke tahap negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020, kehidupan komuniti nelayan masih dihantui masalah kemiskinan (Zaimah R. et al. 2015) terutama nelayan pesisir pantai adalah termasuk dalam golongan rakyat miskin (Pollnac & Poggie, 2008; Mohd Shaladdin, 2009; Noviati et al., 2011; Ishak, 1988). Hal ini terbukti apabila terdapat seramai 8000 orang nelayan yang berdaftar di negeri Perak dan majoritinya adalah Bumiputera Muslim dimana kurang daripada 1 peratus daripada komuniti nelayan yang memiliki bot berkapasiti tinggi adalah bumiputera Muslim di negeri Perak. Kesannya, komuniti nelayan Muslim ini tidak mampu memperkasakan ekonomi keluarga serta bersaing dalam industri perikanan di negeri Perak. Statistik menunjukkan bahawa hanya 6 peratus sahaja daripada komuniti nelayan di Malaysia yang mempunyai pendapatan serumah sebanyak RM1,000 sehingga RM1,200. Manakala majoritinya iaitu 41 peratus hanyalah memperoleh pendapatan sekitar RM500 dan 29 peratus daripada mereka mempunyai pendapatan bawah RM400 (myWakaf, 2020). Oleh itu jelaslah bahawa komuniti nelayan ini terutamanya Bumiputera Muslim wajar diberikan perhatian dan bantuan untuk membolehkan mereka menjana pendapatan yang mampu menambah baik ekonomi mereka .

Wakaf tunai dilihat sebagai suatu instrumen mudah bagi umat Islam untuk terlibat di dalam aktiviti berbentuk agama dan kebajikan bagi meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam terutamanya di dalam sektor pendidikan dan kesihatan (Asharaf Mohd Ramli 2018). Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh The World Bank et.al (2019), dianggarkan satu jumlah yang sangat besar bagi aset wakaf tunai yang dikumpulkan di seluruh dunia dianggarkan dalam USD35 bilion. Wakaf tunai merupakan salah satu Instrumen kewangan sosial Islam yang amat penting dalam pembangunan negara selain daripada zakat, sedekah, hibah dan sebagainya. Rasionalnya, amalan berwakaf sebegini dapat meningkatkan produktiviti dalam kalangan masyarakat (Farhana & Asmak, 2017) apabila agihan dilaksanakan

dengan cekap dan efisien kepada golongan sasaran terutamanya golongan B40 dan M40 di Malaysia. Amalan berwakaf juga dapat memupuk sifat bertanggungjawab dan melahirkan masyarakat yang saling membantu antara satu sama lain (Raja Nor Ashikin & Nor 'Adha, 2014). Selari dengan pandangan Muhammad Hisyam (2018), ia sebenarnya satu bentuk penebusan hak bukannya instrumen kebajikan semata-mata di mana ia menjadi satu tanggungjawab kepada mereka yang berkemampuan untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Maka perkara ini juga akan terkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara secara langsung sekali gus mewujudkan keadilan sosial dan kesejahteraan dalam masyarakat dalam memenuhi keperluan mereka.

Jika dahulunya kita begitu sinonim dengan amalan berwakaf untuk pengurusan masjid, sekolah agama dan tanah perkuburan sahaja, namun pada era kontemporari ini amalan tersebut tidak hanya melibatkan aspek tersebut (Megat Mohd. Ghazali Megat Abd Rahman et al. 2006). Hal ini kerana telah berlaku perkembangan dan inovasi dalam pembangunan wakaf, ia selari dengan keputusan dari fatwa-fatwa negeri yang mengharuskan amalan wakaf tunai dalam bidang lain. Perubahan juga berlaku dalam proses penginstitutionan pengurusan wakaf dalam aspek mekanisme atau instrumen pendanaan, pengembangan dan penggunaan dana wakaf, dan strategi mempromosikan wakaf (Fidlizan Muhammad et al., 2019).

Melihat kepada isu yang disebut diatas, model wakaf yang dilihat sangat unik dan berjalan dengan rancak termasuklah Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) dibawah kelolaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan projek wakaf tersebut turut melibatkan Maybank Islamic sebagai pengurus bersama. Terdapat satu model yang khusus untuk pembangunan sosio-ekonomi komuniti nelayan muslim yang dinamakan Bot Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Secara umumnya, model ini bertujuan membantu para nelayan muslim di Perak meningkatkan pendapatan dalam menyara kehidupan mereka yang dilihat berada pada tahap kemiskinan. Oleh yang demikian tumpuan kertas kerja ini adalah bertujuan untuk menjelaskan fatwa model dan konsep model wakaf tunai bot di samping menerangkan peranan bagi setiap entiti yang terdapat dalam model tersebut.

Latar Belakang Wakaf Perak Ar-Ridzuan

Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu (MAIPk) kali ke- 193 telah bersetuju menubuhkan Wakaf Perak Ar-Ridzuan atau ringkasnya WPAR pada 18 Disember 2015. Institusi ini unik kerana mengandungi nama Perak Ar-Ridzuan yang menunjukkan pembangunan wakaf daripada dana yang dikumpulkan akan dimanfaatkan oleh masyarakat di Perak (Fidlizan Muhammad et al. 2019). Bidang kuasa WPAR digubal oleh Dewan Undang Negeri Perak dengan kewujudan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2016, enakmen tersebut dibahagikan

dengan 10 bahagian berserta 50 seksyen yang meliputi elemen pewujudan wakaf, istibdal dan pembangunan, pengurusan, kewangan dan sebagainya. Enakmen Wakaf ini telah digubal merangkumi kesemua aspek pengurusan wakaf berlandaskan syariat dan turut merangkumkan ijthad ulama' berkaitan pentadbiran dan pembangunan harta wakaf.

MAIPk sebagai pemegang amanah tunggal seperti yang disebut dalam enakmen telah memberikan kuasa kepada WPAR dalam pengurusan dan pembangunan harta wakaf di Perak. Bagi urusan bahagian kewangan, di Bahagian IX, Seksyen 38 menyatakan bahawa wang wakaf yang diperoleh dibenarkan untuk dilaburkan secara syariah sama ada di dalam bank, institusi pelaburan dan sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Selain itu, pada Bahagian II, Seksyen 11 bagi mekanisme mengutip sumbangan wakaf daripada orang ramai, WPAR boleh melaksanakannya dengan memperkenalkan skim-skim wakaf tertentu. Oleh yang demikian, WPAR dibenarkan mewujudkan pelbagai mekanisme dan kerjasama bagi memudahkan penglibatan masyarakat Islam untuk berwakaf seperti sumbangan kaunter pejabat MAIPk, ejen berdaftar seperti amil dan kakitangan MAIPk, potongan gaji, perbankan atas talian dan memberikan pelepasan cukai kepada individu Muslim yang berwakaf.

Maybank Islamic juga terlibat sama memainkan peranannya sebagai institusi perbankan Islam yang mendukung kewujudan WPAR di Perak. Peruntukkan dana wakaf sebanyak RM10 juta diberikan kepada WPAR melibatkan dua bahagian iaitu RM5 juta bagi tujuan pembangunan kediaman pelajar di Universiti Islam Sultan Azlan Shah (USAS), dan bakinya dalam bentuk wakaf tunai. Menariknya, Maybank Islamic turut menyediakan sumbangan wakaf tunai sepadan atau "*matching grant*" mengikut nilai diwakafkan kepada WPAR yang menggunakan bayaran atas talian melalui saluran Maybank2u. Kemudahan wakaf tunai sepadan ini merupakan alternatif yang mampu mempercepatkan pengumpulan dana secara berganda oleh pihak WPAR (Fidlizan Muhammad et al. 2019). Sejak ditubuhkan, WPAR telah bergerak pantas merancang pelbagai projek pembangunan wakaf bagi memberi kemudahan dan manfaat kepada penduduk Islam di negeri Perak. Jenis dan nilai projek wakaf yang telah dirancang WPAR ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Projek Pembangunan Wakaf oleh WPAR

Projek Pembangunan	Sasaran (RM Juta)	Kutipan Semasa (RM)	Peratusan Kutipan (%)
Wakaf Tunai	Tiada had	7,139,683.65	
Pembangunan Asrama USAS	15	5,575,606.28	37.7
Program Mumtaz	10	122,783.95	1.23
Waqf Business Centre (WBC)	20	283,502.84	1.42
Pembinaan Pusat Hemodialisis	10	543,024.00	5.43
Perkembangan Ilmu Al-Quran	5	617,725.46	12.35
Wakaf Bot	5	108,939.13	2.18
Dana Pembangunan Maahad Tahfiz	Tiada had	441,381.00	
Jumlah		14,832,646.31	

Sumber: WPAR (2020)

Berdasarkan Jadual 1, ia menunjukkan bahawa WPAR masih belum mencapai jumlah dana wakaf yang disasarkan bagi merealisasikan keseluruhan projek yang dirancang. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Fidlizan Muhammad et. al (2019) membuktikan bahawa kewujudan WPAR masih kurang diketahui oleh masyarakat Islam di Perak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen yang diperoleh dari laman web Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). WPAR dan myWakaf. Selain itu, temu bual secara bersemuka dengan seorang Ahli Jawatankuasa Fatwa Perak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) untuk mengesahkan dan menjelaskan fatwa yang diputuskan serta kesahan model wakaf bot yang dibentuk oleh pihak MAIPk.

Fatwa Wakaf Tunai Bot


Berikut adalah fatwa telah diputuskan dan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada bulan Ogos tahun 2016 yang telah memberi kuasa untuk menubuhkan Model Wakaf Tunai Bot sepertimana yang dijelaskan di Jadual 2.

Jadual 2: Fatwa Wakaf Tunai Bot WPAR

Bil	Perkara	Fatwa
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 209 bertarikh 22 Ogos 2016M /19 Zulkaedah 1437H (Isnin) telah memutuskan seperti berikut:	<p>1) Mesyuarat memperakui dan bersetuju supaya digunakan wang wakaf tunai bagi projek wakaf bot di bawah tabung dana Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR).</p> <p>2) Mesyuarat bersetuju wang tersebut diserahkan kepada pihak koperasi yang bertindak sebagai pengurus projek dan dipantau oleh pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk).</p> <p>3) Kaedah pengendalian wakaf bot ini dikehendaki menepati kaedah asas berkaitan wakaf seperti berikut :</p> <p>a) Tidak dijual, tidak dihadiahkan dan tidak diwarisi ; أَنَّه لَا بَيْعٌ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ Sesungguhnya ia tidak dijual, tidak dihadiahkan dan tidak boleh diwarisi. - (HR.Bukhari).</p> <p>b) Pihak koperasi hendaklah menyelia projek mengikut terma dan syarat yang telah diletakkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk).</p> <p>c) Sewaan bot hendaklah diberikan kepada nelayan dan ahli koperasi yang berkemampuan, berkemahiran dan amanah bagi menjamin kelangsungan harta wakaf</p> <p>“Sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai”. (Al- Qasas:26).</p>

Sumber: e-smaf (2020)

MODEL WAKAF TUNAI BOT



Model Wakaf Tunai Bot (Adaptasi dari Asharaf, 2019) dengan sedikit perubahan.

Gambarajah 1: Model Wakaf Tunai Bot

Inovasi Model Wakaf Tunai Bot

Model Wakaf Tunai Bot sepertimana yang ditunjukkan di dalam Gambarajah 1 di bawah dan dijelaskan peranan bagi setiap entiti yang terlibat dalam model ini.

Sepertimana yang ditunjukkan di dalam Gambarajah 1 terdapat tiga peringkat utama di dalam pelaksanaan Model Wakaf Tunai Bot iaitu;

- i. Peringkat pertama adalah melibatkan pengumpulan dana wakaf tunai iaitu Waqf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) yang diperolehi dari pewakaf-pewakaf yang terdiri dari individu, agensi sektor awam dan swasta serta pihak korporat. Skim wakaf tunai yang dilaksanakan ialah Saham Wakaf dengan nilai minimum berjumlah RM10, nilai maksimum RM30 ribu dengan kadar caj setiap transaksi berjumlah RM0.50. Jumlah sasaran Saham Wakaf bagi pembelian bot nelayan ini adalah berjumlah RM200 ribu (myWakaf, 2020). Di antara contoh kejayaan mekanisma Saham Wakaf bagi pembelian aset wakaf untuk kemaslahatan umat Islam ialah Saham Wakaf Johor (e-wakafjohor, 2020; Abdullaah & Asharaf, 2008).
- ii. Peringkat kedua pula melibatkan penubuhan Sekretariat Pengurusan Bersama di antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIPk) dan Maybank Islamic Berhad bagi pengurusan WPAR. Berdasarkan kepada kontrak Wakalah (Agensi/Wakil), pihak MAIPk dan Maybank Islamic Berhad adalah bertindak sebagai wakil kepada pihak pewakaf-pewakaf di dalam menunaikan hasrat mereka mewakafkan wang tunai bagi pembelian aset wakaf iaitu bot bagi kegunaan nelayan. Pihak Maybank Islamic juga akan menyediakan insentif sumbangan sepadan setiap seringgit yang diwakafkan.
- iii. Peringkat ketiga dan terakhir adalah penggunaan dana WPAR untuk tujuan pembelian bot yang akan disewakan kepada nelayan. Setelah dana WPAR mencapai jumlah yang telah ditetapkan iaitu RM200 ribu, maka pihak Pengurusan Bersama akan menggunakan konsep *istibdal* dengan menukarkan wang tunai kepada aset kekal iaitu bot. Bagi memastikan urusan penyewaan dan penyelenggaraan aset wakaf bot diuruskan secara sistematik, pihak Pengurusan Bersama akan melantik Koperasi Nelayan menggunakan kontrak Wakalah samada dengan mengenakan upah Wakalah Bil-Ujrah yang boleh diambil dari hasil sewaan (ghullah) ataupun kontrak Wakalah yang tidak dikenakan caj kepada persetujuan kedua-dua pihak. Manakala lebih hasil sewaan (ghullah) bot yang diperolehi boleh diletakkan di dalam satu tabung khas untuk urusan penyelenggaraan aset wakaf bot (e-smaf, 2019; mywakaf, 2020; Abdullaah & Asharaf, 2008).

Peranan Pihak Berkepentingan WPAR

Merujuk kepada Model Wakaf Bot seperti yang terdapat di Gambarajah 1, terdapat 3 pihak berkepentingan yang mempunyai fungsi dan peranan yang penting bagi menjamin kejayaan skim wakaf ini iaitu MAIPk, Maybank Islamic Berhad dan Koperasi Nelayan.

- i. MAIPk adalah merupakan pemegang amanah tunggal bagi aset wakaf di Negeri Perak sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Seksyen 78 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Maka, penglibatan MAIPk di dalam skim wakaf ini adalah perlu dari sudut perundangan dan bagi menjamin aset-aset wakaf diurus dan ditadbir secara tersusun.
- ii. Maybank Islamic Berhad pula adalah sebuah institusi kewangan Islam yang mempunyai kepakaran dan pengalaman di dalam menguruskan aset yang berbentuk tunai. Pihak MAIPk sebagai pemegang amanah tunggal boleh melantik pihak Maybank Islamic Berhad sebagai Mutawwali Khas atau Nazir untuk menguruskan wakaf tunai. Reputasi Maybank Islamic Berhad sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang mempunyai kepakaran dan pengalaman di dalam pengurusan aset tunai boleh menambahkan keyakinan kepada pewakaf-pewakaf untuk berwakaf.
- iii. Selain institusi kewangan, pihak MAIPk juga boleh melantik Koperasi Nelayan sebagai Mutawwali atau Nazir bagi menguruskan urusan sewaan dan penyelenggaraan aset wakaf bot. Pihak Koperasi Nelayan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan dengan industri perikanan serta hubungan secara langsung dengan komuniti nelayan berperanan besar untuk memastikan aset wakaf bot dapat mencapai objektif teras di dalam meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat nelayan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Isu-isu golongan asnaf tidak memanfaatkan bantuan yang diperoleh dari sumber zakat hangat diperkatakan dalam media massa. Kebanyakan nelayan di Malaysia dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin banyak dibantu dari hasil kutipan zakat dari negeri masing-masing dan terdapat juga yang membuat pinjaman dari pihak kerajaan. Namun begitu terdapat segelintir komuniti nelayan yang menjual aset-aset yang diperoleh hasil dari bantuan tersebut kepada pihak yang lain kerana kekangan kewangan. Perkara ini menunjukkan taraf hidup nelayan tidak akan lari dari belunggu kemiskinan dan akan terus menerus memohon bantuan zakat. Melihat skim-skim pinjaman dan

bantuan zakat untuk golongan nelayan ini seperti bot, enjin dan pukot, satu mekanisme lain perlu dilaksanakan oleh badan autoriti untuk mereka yang beragama Islam khususnya.

Kewujudan model wakaf bot yang dibentuk oleh WPAR ini dilihat lebih sesuai dilaksanakan kerana dari sudut penyelenggaraan, pemantauan dan pengurusan dana diuruskan oleh MAIPk dengan kerjasama Maybank Islamic. Hal ini mewujudkan satu pengurusan yang cekap sekaligus menunjukkan kebertanggungjawaban pihak MAIPk dalam membentuk kehidupan nelayan yang berpendidikan dan berdisiplin. Uniknyanya WPAR ini, apabila orang ramai menyalurkan dana wakaf melalui Maybank2u pihak Maybank Islamic akan menggandakan bilangan sumbangan wakaf tunai tersebut atau dinamakan sebagai wakaf tunai sepadan. Ini menunjukkan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh pihak Maybank Islamic sendiri. Kejayaan instrumen kewangan sosial Islam tidak akan dicapai sekiranya Majlis Agama Islam Negeri-negeri hanya “melepaskan batuk di tangga” tanpa melakukan program yang lebih produktif kepada nelayan. MAIPk selaku pemegang amanah bagi aset-aset yang diwakafkan oleh orang ramai sememangnya perlu memainkan peranan yang penting dalam menguruskan hal ehwal umat Islam. Zakat dan Wakaf amat berbeza dari sudut pemilikan kerana zakat memindah milik secara sepenuhnya kepada asnaf, manakala wakaf pula pemilikannya adalah hak Allah tapi diurustadbir oleh MAIN selaku nazir. Justeru, penerima wakaf tersebut memiliki harta secara tidak sempurna dan terhalang daripada penggunaan yang mutlak terhadap harta tersebut. Perkara ini selari dengan fatwa yang menggunakan kaedah asas berwakaf “Sesungguhnya ia tidak dijual, tidak dihadiahkan dan tidak boleh diwarisi” - (HR.Bukhari).

KESIMPULAN

Pelaksanaan wakaf bot ini dapat membantu nelayan muslim terutamanya di persisiran pantai untuk menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Jika dahulu nelayan tersebut tidak boleh mencapai tahap tangkapan semaksimum mungkin, maka model ini berpotensi membantu nelayan ke kawasan laut yang lebih dalam untuk meningkatkan hasil mereka serta bersaing dalam industri perikanan di negeri Perak . Bot yang dibeli dari jenis kelas B yang dilengkapi enjin 115 kuasa kuda dengan enjin kecemasan berkuasa 40 kuasa kuda. Selain itu, kos operasi yang ditanggung nelayan juga dapat dikurangkan kerana nelayan hanya menyewa bot pada kadar yang rendah tersebut sahaja, malahan hasil sewaan tersebut akan dibahagikan kepada dua iaitu sebanyak 50 peratus untuk penyelenggaraan bot dan 50 peratus lagi untuk dijadikan modal pusingan bagi membina bot lain pula.

Dengan model ini, ia dapat memupuk umat Islam untuk berwakaf bagi membantu saudara seislam. Tambahan pula, orang ramai yang berwakaf dapat melihat aliran wakaf tunai mereka digunakan untuk manfaat dan membantu menjana ekonomi nelayan.

RUJUKAN

- Abdullaah Jalil & Asharaf Mohd. Ramli. (2008) Waqf Instruments for Construction Contract: An Analysis of Structure. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*, 5(1), 183-196.
- Abdullaah Jalil & Asharaf Mohd. Ramli. (2014) Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat. *Jurnal Pengurusan*, 42, 159 - 167
- Asharaf Mohd Ramli. (2018). Inovasi Model Wakaf Tunai Di Malaysia Berlandaskan Kepada Garis Panduan Fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research* 13(1), 1–18.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak). (2004). Wakaf, Nazr dan Amanah. Seksyen 78. Majlis Menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf, Nazr dan Amanah.
- E-SMAF. (2019). Fatwa Wakaf Tunai 2000-2019 (2019). <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>. Akses pada 25 Februari 2020.
- Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Abd Rahman. (2017). *Wakaf Tunai dalam Pembangunan ekonomi Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajah Mustafa Mohd. Hanefah, Abdullaah Jalil, Asharaf Mohd. Ramli, et al. (2010) Waqf Models in Iskandar Malaysia: An Analysis. *4th Islamic Banking, Accounting and Finance Seminar*. Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad, F., Razak, A.A., Awang, S.A., Hussin, M.Y.M. & Aliyasak, M.Z.I. (2019). The Awareness Level among the Perak Muslim Community towards the Perak ar-Ridzuan Waqf. *Sains Humanika* 3, 63–69.
- Muhammad Hisyam Mohamad. (2018). *Rangkuman Kewangan Perspektif Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- MyWakaf. (2019) Wakaf Bot. <https://www.mywakaf.com.my/ms/our-projects-perak/> Akses pada 28 Februari 2020.
- The World Bank Group, INCEIF & ISRA. (2019). Report on Maximising Social Impacts Through Waqf Solutions.
- Zaimah .R, Suhana Saad, Azimah A.M, Mohd Yusof Hussain, Mohd Samsudin, Mustaffa Omar, & Ishak Yussof. 2015. Kesejahteraan Subjektif: Kajian kes nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 87–94.
- Yasmin, A., Mohd, H., Abdul, M.A., Firdaus, M., Ab, B., Abdullah, H.A., Gunardi, S., Mohammed, B.M., Faiz, M. & Bin, A. (2019). Syariah And Law Discourse: Special Series(November).
- Kamaru Salam Yusof. (2018). Inovasi Wakaf; Pandangan Ulama Dan Peluang Pelaksanaan Di Negara Brunei Darussalam(April 2014).
- Zakaria, M.S. & Muda, M.Z. (2017). Sorotan Literatur Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia. *Islamiyyat* 39(1), 39–46.